Suruhanjaya Tenaga
Energy Commission

Laporan Tahunan 2024



KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Jadilah bijak Tenaga

Laporan Tahunan 2024



KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

LAPORAN TAHUNAN KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK 2024 ini dikemukakan kepada Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air selaras dengan peruntukan Seksyen 44E (2) Akta Bekalan Elektrik 1990 [*Akta 447*] iaitu "Suruhanjaya hendaklah dengan secepat yang dapat dilaksanakan menghantar suatu salinan penyata akaun yang diperakui oleh juruaudit dan salinan laporan juruaudit kepada Menteri yang hendaklah menyebabkannya dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen".

© Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis dari Suruhanjaya Tenaga. Untuk sebarang petikan maklumat daripada penerbitan ini, kenyataan berikut hendaklah disertakan:

"Sumber: Suruhanjaya Tenaga"

Diterbitkan oleh:
SURUHANJAYA TENAGA *(ENERGY COMMISSION)*
No. 12, Jalan Tun Hussein,
Presint 2, 62100 Putrajaya,
Malaysia
T: (603) 8870 8500
F: (603) 8888 8637
www.st.gov.my

ISSN: 2636-9869
No. Penerbitan ST: TBC

DICETAK DI MALAYSIA

Kandungan

AKRONIM DAN SINGKATAN 02

PERUTUSAN PENGERUSI 03

SOROTAN KWIE BAGI TAHUN 2024 04

SOROTAN KWIE DI DALAM MEDIA BAGI TAHUN 2024 05

1 **PENGENALAN** 06
Maklumat Korporat 07
Penubuhan Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) 09
Akta Bekalan Elektrik 1990 10
Jawatankuasa KWIE 11

2 **AKTIVITI KWIE BAGI TAHUN 2024** 12
Mesyuarat JKKWIE bagi Tahun 2024 13
Penyata Kewangan dan Laporan Tahunan KWIE bagi Tahun 2023 14
Mengurus Impak Tarif Elektrik 15
Pembangunan Kapasiti Unit KWIE 22

3 **PENGURUSAN DANA KWIE** 24
Terimaan KWIE 25
Pendapatan Faedah KWIE 26
Pelaburan Dana KWIE 27
Penggunaan Dana oleh KWIE 29

4 **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024** 31
Pengakuan oleh Pegawai Utama yang Bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan KWIE 36
Penyata Pengerusi dan Seorang Anggota Suruhanjaya Tenaga 37
Penyata Kewangan KWIE bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024 01



Akronim dan Singkatan

ABE	Akta Bekalan Elektrik 1990 [*Akta 447*]
ARA	Pelarasan Hasil Tahunan - *Annual Regulatory Adjustment*
BNM	Bank Negara Malaysia
CA	Akaun Semasa - *Current Account*
FD	Simpanan Tetap - *Fixed* Deposit
FOMCA	Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia - *Federation of Malaysian Consumers Associations*
ICPT	Pelepasan Kos Tidak Berimbang - *Imbalance Cost Pass-Through*
JAN	Jabatan Audit Negara
JKKWIE	Jawatankuasa Kumpulan Wang Industri Elektrik
KHTP	Kulim Hi-Tech Park
KWIE	Kumpulan Wang Industri Elektrik
LAP	Lesen Awam Pengagihan
LHDNM	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
MJM	Mesyuarat Jemaah Menteri
MOF	Kementerian Kewangan - *Ministry of Finance*
NUR Dist.	NUR Distribution Sdn. Bhd.
OPR	Kadar Dasar Semalaman - *Overnight Policy Rate*
PETRA	Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air
ST	Suruhanjaya Tenaga
STMMD	*Short Term Money Market Deposit*
TNB	Tenaga Nasional Berhad

Perutusan Pengerusi

Laporan Tahunan Kumpulan Wang Industri Elektrik (LT KWIE) 2024 memberikan gambaran menyeluruh tentang operasi, prestasi kewangan, dan aktiviti yang telah dilaksanakan oleh KWIE. Laporan ini disediakan selaras dengan seksyen 44E Akta Bekalan Elektrik 1990 dan dikemukakan kepada Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA).

Nilai aset bersih dana KWIE pada tahun 2024 meningkat sebanyak 236% kepada RM4,504.95 juta dari RM1,342.96 juta pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini adalah berikutan peningkatan lebihan surcaj *Imbalance Cost-Pass Through* (ICPT) yang diterima oleh KWIE seperti yang diputuskan oleh Kerajaan.

Nilai bersih dana rizab KWIE pula telah meningkat sebanyak 34% dari RM457.32 juta pada tahun sebelumnya ke RM612.56 juta berikutan peningkatan hasil pendapatan faedah deposit di *Short Term Money Market Deposit* (STMMD), *Fixed Deposit* (FD) dan Pelaburan Jangka Panjang (PJP).

Dalam masa yang sama, walaupun menghadapi cabaran pengurusan dana, KWIE berjaya mengekalkan kestabilan kewangan dan menyumbang kepada kesejahteraan pengguna melalui pemberian tampungan kos ICPT kepada pengguna yang terkesan. Pelaburan dana KWIE telah menjana pulangan antara 3.60% hingga 4.20%, selaras dengan strategi pengurusan pelaburan yang berkesan.

Akhir kata, KWIE bertekad untuk terus menyokong agenda peralihan tenaga Malaysia melalui pengurusan dana yang lestari, inovatif, dan berintegriti. Terima kasih diucapkan kepada Jawatankuasa KWIE dan urusetianya kerana telah melaksanakan tanggungjawab dengan penuh komitmen dalam mengendalikan dana KWIE.

Terima kasih dan salam hormat.

DELAKAN RATHA KRISNAK
Pengerusi Jawatankuasa Kumpulan Wang Industri Elektrik



Sorotan KWIE bagi Tahun 2024



Terimaan
1,710%
2024
RM7,076.80 juta
2023
RM391.03 juta



Pelaburan
698%
2024
RM10,680.44 juta
2023
RM1,339.21 juta



Faedah Pendapatan
391%
2024
RM110.56 juta
2023
RM22.51 juta



Kos Pentadbiran
63%
2024
RM0.39 juta
2023
RM0.24 juta



Mengurus
Impak Tarif Elektrik

2024
RM3,991.88 juta
2023
-



Cukai
396%
2024
RM33.10 juta
2023
RM6.68 juta

Sorotan KWIE di dalam Media bagi Tahun 2024

EC's KWIE fund logged RM990m loss in 2022 on tariff rebate expenses

BY IZZUL IKRAM
theedgemalaysia.com

KUALA LUMPUR (March 6): The Electricity Industry Fund (KWIE) found itself among the top five loss-making federal agencies in 2022, with a loss of RM990 million, on the back of hefty electricity tariff rebate expenses, according to the Auditory General's Report on federal agencies for 2022.

KWIE, a fund under the Energy Commission to support the Imbalance Cost Past-Through (ICPT) mechanism and cushion the impact of electricity tariffs on consumers, logged RM1.02 billion in expenses and RM25 million in revenue.

"This occurred because KWIE did not receive any revenue on excess electricity tariff rebates/surcharges due to an increase in fuel costs," the AG's Report disclosed. "In addition, KWIE's funds were used to cover rebate expenses as mitigation to reduce the impact of electricity tariffs on consumers."

Established in 2016, KWIE gathers excess tariff collections when fuel costs are low, and disburses them when costs are high to keep tariffs stable.

However, due to tariff discounts in 2020, and prolonged rebates in 2021 and 2022, KWIE experienced a period of under-recovery with excess ICPT being a rarity.

It is unclear how much KWIE currently has in its coffers, but as at end-December 2021, the fund had RM1.62 billion in short-term investments, RM178.77 million in cash and cash equivalents, while current liabilities stood at RM266.5 million, according to the fund's 2021 annual report.

KWIE recorded a net profit of RM996.73 million for 2021 on revenue of RM1.52 billion, mainly thanks to excess ICPT of RM1.11 billion received from Tenaga Nasional Bhd for the first half of 2021 (1H2021).

While fuel prices remained largely below benchmark coal and gas prices — which are used to calculate base electricity tariffs — in 1H2021, they later exceeded benchmark prices in 2H2021 and stayed elevated in 2022 and 2023.

Sumber: The Edge Malaysia

Kenaikan tarif elektrik tak babit tujuh juta pengguna domestik

Penyasaran semula subsidi bagi 1.2 juta isi rumah dengan jumlah bil RM220 sebulan

Oleh Shahrizan Salian
shahrizan_salian@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur: Kenaikan tarif elektrik antara 4.2 hingga enam peratus bil bulanan mulai 1 Januari hingga 30 Jun 2024, tidak membabitkan 85 peratus atau tujuh juta pengguna domestik di Semenanjung.

Langkah penyasaran semula subsidi elektrik oleh kerajaan di bawah pelaksanaan mekanisme Pelepasan Kos Tidak Berimbang (ICPT) itu hanya membabitkan kira-kira 1.2 juta isi rumah dengan bil elektrik RM220 sebulan, bermakna bayaran tambahan antara RM12 hingga RM32 setiap bulan.

Dalam satu kenyataan semalam, Suruhanjaya Tenaga (ST) memaklumkan, penyasaran itu menyaksikan pengguna domestik dengan penggunaan elektrik antara 601 hingga 1,500 kilowatt sejam (kW) tidak lagi menikmati rebat dua sen/kW).

Bagi tujuh juta pengguna dengan penggunaan kurang daripada 600kW), tiada perubahan berlaku yang menyaksikan isi rumah berkenaan masih menikmati rebat dua sen/kW). Surcaj penggunaan elektrik pengguna domestik yang melebihi 1,500kW) pula kekal 10 sen/kW).

Bagi kategori pengguna bukan domestik pula, surcaj kekal 3.70 sen/kW) bagi tarif komersial dan perindustrian voltan rendah (tarif B dan D), tarif pertanian spesifik (H, H1 dan H2), selain operator air dan pembetungan.

Keputusan kerajaan pada 13 Disember 2023 dan implikasi kewangan

Kategori Pengguna	Bilangan pengguna	Keputusan Kerajaan	Impak kepada bil elektrik
Domestik (≤600 kWj)	6.9 juta	Kekal rebat 2 sen/kWj	Tiada perubahan
Domestik (>601-≤1,500 kWj)	1.2 juta	Tiada rebat dan surcaj *(zeroise)*	4.2% - 6% (RM12 - RM32) sebulan
Domestik (>1,500kWj)	79 ribu	Kekal surcaj 10 sen/kWj	Tiada perubahan
Bukan Domestik - voltan rendah (tarif B dan D), tarif pertanian spesifik (tarif H, H1 dan H2) serta operator air dan pembetungan	1.7 juta	Kekal surcaj 3.70 sen/kWj	Tiada perubahan
Bukan Domestik - Lain-lain	93 ribu	Kekal surcaj 17 sen/kWj	Tiada perubahan
Tampungan Subsidi Kerajaan TNB (dibiayai oleh Kementerian Kewangan)		RM1,396.07 juta	
Tampungan Subsidi Kerajaan pemegang Lesen Awam Penggahian (LAP) (dibiayai oleh dana Kumpulan Wang Industri Elektrik, KWIE)		RM538.77 juta	

IMPAK BIL ELEKTRIK DOMESTIK

Penggunaan elektrik bulanan	Bil Elektrik Sebelum	Bil Elektrik Selepas
≤ 600 kWj	RM3 - RM219.80	
>600 - 1,500 kWj	RM220.36 - RM737.50	RM232.38 - RM768.58
>1500	>RM324.69	

8.2 juta masih dapat subsidi

Sementara itu, bagi pengguna bukan domestik lain, surcaj kekal pada kadar 17 sen/kWj.

"Berdasarkan keputusan ini, sejumlah 85 peratus atau tujuh juta pengguna domestik di Semenanjung tidak terjejas dengan pelarasan tarif elektrik bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2024. Sehubungan itu, sejumlah 99 peratus atau 8.2 juta pengguna domestik masih menerima subsidi daripada kerajaan.

"Bagi semua pengguna bukan domestik, surcaj yang dikenakan kekal sama," menurut kenyataan berkenaan.

Suruhanjaya Tenaga menjelaskan, berdasarkan kepada penyasaran semula subsidi ini, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM1.9 bilion subsidi kepada kategori pengguna yang terbabit bagi meminimumkan impak surcaj ICPT sepanjang tempoh pelaksanaan terbabit.

"Pengguna boleh merujuk kepada bil elektrik bulanan masing-masing bagi memantau penggunaan elektrik dan subsidi yang diberikan.

"Selain itu, pengguna juga boleh mengunggarkan kos bil elektrik bulanan pada masa akan datang dengan menggunakan kalkulator tarif elektrik yang dapat dicapai melalui laman sesawang https://myelectricitybill.my," menurut suruhanjaya itu.

Sumber: Berita Harian

Tarif elektrik: 99 peratus pengguna domestik di KHTP tidak terjejas



PUTRAJAYA: Sejumlah 5,159 atau 99 peratus pengguna domestik di Kulim Hi-Tech Park, Kedah (KHTP) tidak terjejas dengan pelarasan tarif elektrik dan akan menerima subsidi daripada kerajaan bagi tempoh 1 Jan hingga 30 Jun 2024, menurut Suruhanjaya Tenaga (ST).

ST dalam kenyataan pada Selasa memaklumkan bahawa kerajaan pada 13 Dis lepas bersetuju supaya pelarasan tarif elektrik di bawah pelaksanaan mekanisme Pelepasan Kos-Kos Tidak Seimbang (ICPT) dilaksanakan secara penyasaran semula subsidi bagi pengguna NUR Power Sdn Bhd di KHTP untuk tempoh itu.

"Berdasarkan kepada penyasaran semula subsidi ini, kerajaan turut memutuskan supaya kos tampungan surcaj sebanyak RM0.73 juta dibiayai menggunakan dana Kumpulan Wang Industri Elektrik bagi meminimumkan impak surcaj ICPT sepanjang tempoh pelaksanaannya," menurut kenyataan itu.

Dengan pelaksanaan ICPT itu, pengguna domestik (tarif N1) dengan unit penggunaan elektrik sebanyak 1,500 kilowatt-jam (kWj) dan ke bawah tidak dikenakan sebarang surcaj.

Sementara itu, pengguna domestik (tarif N1) dengan penggunaan elektrik melebihi 1,500 kWj akan dikenakan surcaj pada kadar 6.50 sen/kWj, manakala pengguna bukan domestik pula akan dikenakan surcaj pada kadar 6.50 sen/kWj.

ICPT merujuk kepada satu mekanisme di bawah Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR) yang membolehkan kos bahan api diselaraskan setiap enam bulan berdasarkan turun naik harga global bahan api.

-- BERNAMA

Sumber: BERNAMA

Pengenalan

1

07 Maklumat Korporat

09 Penubuhan Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE)

10 Akta Bekalan Elektrik 1990

11 Jawatankuasa KWIE



Maklumat Korporat

Mengenai Suruhanjaya Tenaga

Suruhanjaya Tenaga (ST) yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Tenaga 2001, bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.

ST mula beroperasi sepenuhnya setelah mengambil alih peranan Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas pada 1 Januari 2002. Fokus utama ST adalah bekalan elektrik dan gas yang berdaya harap, kos yang munasabah dan selamat digunakan.

Peranan ST dalam mengawal selia terbahagi kepada tiga (3) aspek iaitu dari segi Kawal Selia Ekonomi, Kawal Selia Teknikal dan Peraturan Keselamatan.



Kawal Selia Ekonomi

Untuk menggalakkan keekonomian dalam penjanaan, penghantaran, pengagihan, pembekalan dan penggunaan elektrik dan dalam retikulasi dan penggunaan gas; menggalakkan persaingan; membolehkan pengendalian pasaran yang adil dan cekap dan mencegah penyalahgunaan monopoli atau kuasa pasaran dalam industri elektrik dan gas berpaip.



Kawal Selia Teknikal

Untuk memastikan keselamatan, daya harap, kecekapan dan kualiti bekalan dan perkhidmatan dalam industri elektrik dan bekalan gas berpaip.



Peraturan Keselamatan

Untuk melindungi industri, pengguna dan orang awam daripada bahaya yang timbul daripada penjanaan, penghantaran, pengagihan, pembekalan dan penggunaan elektrik, serta pengagihan, pembekalan dan penggunaan gas berpaip.



Visi, Misi dan Nilai Teras

Visi

Suruhanjaya Tenaga komited, demi kepentingan awam, untuk terus mempromosikan sistem yang adil, telus dan kompetitif dalam penjanaan dan pembekalan elektrik, serta pembekalan gas melalui saluran paip, bagi memastikan:

01 Bekalan elektrik optimum pada harga yang berpatutan

02 Penggunaan sumber yang cekap dari segi ekonomi dan lestari

03 Keselamatan dan keterjaminan pengguna tenaga

Misi

- Melindungi pengguna, terutamanya pengguna yang lemah dari segi ekonomi dan pembayar cukai daripada kos yang tidak cekap dan tidak adil yang timbul daripada perbelanjaan dalam sistem tenaga, infrastruktur dan perolehan.
- Sentiasa mendukung dan mengutamakan metodologi terbuka yang kompetitif dan berasaskan pasaran dalam perolehan semua sistem, infrastruktur dan bahan api berkaitan tenaga, dan akhirnya dalam tenaga itu sendiri.
- Memastikan bahawa semua permintaan yang munasabah untuk tenaga dipenuhi dengan bekalan tenaga yang berdaya harap, memastikan keberterusan dan kualitinya, yang merangkumi kualiti kuasa dan kualiti kemudahan serta perkhidmatan yang disediakan.
- Sentiasa mempromosikan dan menyokong inovasi dan teknologi terkini untuk meningkatkan kecekapan dalam penjanaan tenaga, penghantaran tenaga, aktiviti penggunaan tenaga, dan amalan lestari alam sekitar.
- Menyokong usaha peralihan tenaga secara aktif sambil memastikan lapangan persaingan yang adil dan saksama untuk semua pihak berkepentingan, termasuk penyertaan yang setara oleh semua pengguna, besar dan kecil, dalam ekonomi peralihan tenaga.
- Memastikan keselamatan dan keterjaminan pihak berkepentingan tenaga.
- Bersikap telus kepada semua pihak berkepentingan terutamanya pengguna tenaga dan pembayar cukai mengenai kemajuan kenyataan misi kami di atas.

Nilai Teras

Profesionalisme

Integriti

Kecemerlangan

Ketulusan dan Kesaksamaan



Penubuhan Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE)



Peruntukan Akta

Ditubuhkan pada 1 Januari 2016 di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 [*Akta 447*] (ABE).



Pentadbiran dan Kawalan ke atas KWIE

Seperti yang termaktub di bawah subseksyen 44C(1) Akta 447, KWIE hendaklah ditadbir dan dikawal oleh ST.



Fungsi KWIE

Mengurus impak tarif elektrik terhadap pengguna atau apa-apa maksud lain yang berkaitan dengan industri elektrik sebagaimana yang disifatkan perlu oleh ST.

Akta Bekalan Elektrik 1990

Pengoperasian KWIE adalah berdasarkan peruntukan-peruntukan di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 [*Akta 447*] (ABE) seperti berikut:

Operasi KWIE di bawah Peruntukan ABE

SEKSYEN 44B (1) & (2)

Peruntukan berkenaan sumbangan oleh pemegang lesen ke dalam KWIE, jika dikehendaki oleh Menteri di bawah peraturan-peraturan atau perintah dalam warta.

SEKSYEN 44C (1), (2) & (3)

SEKSYEN 44C (1): KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK
Peruntukan berkenaan tujuan penubuhan KWIE yang ditadbir dan dikawal oleh Suruhanjaya.

SEKSYEN 44C (2): SUMBER DANA

a. Apa-apa jumlah wang yang diuntukkan dan dibayar oleh pemegang lesen menurut seksyen 44B;
b. Apa-apa jumlah wang yang diuntukkan oleh Parlimen bagi maksud Kumpulan Wang Industri Elektrik dari semasa ke semasa;
c. Semua wang yang diperoleh sebagai pendapatan daripada pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Industri Elektrik, termasuk faedah pendapatan; dan
d. Semua wang lain yang diterima secara sah oleh Suruhanjaya bagi pihak Kumpulan Wang Industri Elektrik.

SEKSYEN 44C (3): PERBELANJAAN

a. Untuk menguruskan impak tarif elektrik terhadap pengguna; atau
b. Apa-apa maksud lain yang berkaitan dengan industri elektrik sebagaimana yang disifatkan perlu oleh Suruhanjaya.

SEKSYEN 44D (1) & (2)

Peruntukan berkenaan pembukaan akaun dan pelaburan diluluskan oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan.

SEKSYEN 44E: AKAUN

1. Peruntukan berkenaan penyimpanan akaun yang sepatutnya dan laporan aktiviti bagi Kumpulan Wang Industri Elektrik dan selepas berakhirnya tahun kewangan Suruhanjaya, menyediakan bagi tahun kewangan itu:
   a. suatu penyata akaun termasuk kunci kira-kira dan akaun bagi sumbangan dan perbelanjaan; dan
   b. suatu pernyataan mengenai aktivitinya.

2. Menghantar suatu salinan penyata akaun yang diperakui oleh juruaudit dan sesalinan laporan juruaudit kepada Menteri untuk dibentangkan di kedua-dua Majlis Parlimen.

Jawatankuasa KWIE

Jawatankuasa Kumpulan Wang Industri Elektrik (JKKWIE) melalui kelulusan Mesyuarat ST pada 4 Ogos 2015 dan 12 Februari 2016 ditubuhkan bagi memutuskan dasar dan tatacara berhubung penerimaan dan penggunaan wang dalam akaun KWIE. Ia juga ditubuhkan bagi memastikan kewujudan semak dan imbang dalam tadbir urus KWIE selaras dengan objektif penubuhannya.

Keanggotaan JKKWIE

Suruhanjaya Tenaga

Anggota ST sebagai Pengerusi JKKWIE

Suruhanjaya Tenaga

a. Anggota ST
b. Ketua Pegawai Eksekutif, ST
c. Ketua Pegawai Operasi, ST
d. Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Korporat, ST
e. Pengarah, Jabatan Kawal Selia Ekonomi, ST
f. Pengarah, Jabatan Undang-Undang, ST

Wakil Kerajaan

a. Wakil Kementerian Peralihan Tenaga dan Transfomasi Air (PETRA)
b. Wakil Bahagian Tenaga, Kementerian Ekonomi (KE)
c. Wakil Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)

Wakil Pengguna

Wakil Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA)

Urus Setia

Unit KWIE, Jabatan Kawal Selia Ekonomi, ST

Fungsi dan Tanggungjawab JKKWIE

01 Memutuskan dasar dan tatacara berhubung penerimaan dan penggunaan wang dalam akaun KWIE selaras dengan tujuan penubuhannya.

02 Memperakukan amaun wang yang akan digunakan untuk menguruskan impak tarif elektrik seperti yang diputuskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM).

03 Menentukan semua laporan dan penyata berhubung dengan akaun KWIE disediakan dan dikemukakan sebagaimana yang ditetapkan di dalam ABE, Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling Kerajaan yang berkaitan.

04 Memperakukan Anggaran Perbelanjaan Tahunan Akaun, Anggaran Perbelanjaan Tambahan Akaun dan Pemindahan Peruntukan Bajet.

05 Memastikan bahawa akaun KWIE berbaki kredit dan tidak terlebih dikeluarkan semasa meluluskan Anggaran Perbelanjaan Akaun.

06 Menentukan amaun untuk dilaburkan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan.



Aktiviti KWIE bagi Tahun 2024

2

13 Mesyuarat JKKWIE bagi Tahun 2024
14 Penyata Kewangan dan Laporan Tahunan KWIE bagi Tahun 2023
15 Mengurus Impak Tarif Elektrik
22 Pembangunan Kapasiti Unit KWIE



Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Industri Elektrik (JKKWIE) bagi Tahun 2024

Bagi melaksanakan fungsi Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE), khususnya dalam menguruskan impak tarif elektrik kepada pengguna, Suruhanjaya Tenaga (ST) telah menubuhkan Jawatankuasa Kumpulan Wang Industri Elektrik (JKKWIE) pada 4 Ogos 2015. Penubuhan ini bertujuan untuk memastikan pengurusan dana KWIE berjalan lancar serta dikendalikan dengan tata kelola yang cekap dan tersusun.

JKKWIE telah bersidang sebanyak tiga (3) kali sepanjang tahun 2024, bagi membincang dan memperakukan perkara-perkara berhubung pengurusan dana KWIE seperti berikut:

Isu Perbincangan Tadbir Urus KWIE Tahun 2024

01

18 Januari

Mesyuarat JKKWIE Bil. 1/2024

Cadangan Penyata Kewangan dan Laporan Tahunan KWIE bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2024 (Sebelum Diaudit)

Keputusan Kerajaan ke atas Pelaksanaan *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT) bagi Tempoh Januari-Jun 2024

02

17 Julai

Mesyuarat JKKWIE Bil. 2/2024

Cadangan Bajet KWIE bagi Tahun 2025

Cadangan Kemas Kini Kumpulan dan Komposisi Penandatangan bagi Akaun Bank KWIE

Penyata Kewangan KWIE Tahun 2023 Selepas Diaudit

03

4 Disember

Mesyuarat JKKWIE Bil. 3/2024

Cadangan Peruntukan Bajet Tambahan Tahun 2025 bagi Perbelanjaan Cukai Pendapatan Tahun Taksiran 2025

Cadangan Pemantapan Pelaksanaan Semakan Tuntutan *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT) di Semenanjung dan Labuan

Cadangan Pindaan Polisi Penempatan Dana Kumpulan Wang Industri Elektrik

Penyata Kewangan dan Laporan Tahunan KWIE bagi Tahun 2023

Matlamat utama KWIE adalah melaksanakan keputusan dasar kerajaan dan mengurus dana KWIE secara profesional dan beretika. Sebagai pemegang amanah dan pengurus dana industri elektrik yang ditubuhkan di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 [*Akta 447*] (ABE), KWIE komited untuk melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan dengan tahap integriti tertinggi.

Selaras dengan peruntukan Akta yang sama, subseksyen 44E(1) mewajibkan KWIE untuk menyediakan penyata akaun, termasuk kunci kira-kira, rekod sumbangan dan perbelanjaan, serta laporan aktiviti KWIE bagi setiap tahun kewangan yang berakhir.

Sehubungan dengan itu, draf Penyata Kewangan (PK) KWIE dan Laporan Tahunan (LT) KWIE Tahun 2023 telah dibentangkan dan diluluskan di dalam Mesyuarat JKKWIE Bilangan 1/2024 pada 18 Januari 2024 dan Mesyuarat ST Bilangan 1/2024 pada 23 Januari 2024 untuk diaudit oleh Jabatan Audit Negara (JAN). Pihak JAN telah melantik Firma Audit Swasta (FAS) iaitu Razali Abd Karim & Co., sebagai wakil untuk menjalankan kerja-kerja pengauditan PK KWIE.

PK KWIE selepas diaudit (tanpa pindaan) telah ditandatangani oleh Ketua Audit Negara pada 22 Ogos 2024 dengan Sijil Bersih Tanpa Teguran. Salinan PK KWIE dan LT KWIE Tahun 2023 selepas audit kemudian telah dikemukakan kepada pihak Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) pada 30 Ogos 2024.

PK KWIE dan LT KWIE Tahun 2023 kemudiannya telah dibentangkan di kedua-dua Majlis Parlimen, iaitu di Dewan Rakyat pada 6 Februari 2025 dan di Dewan Negara pada 4 Mac 2025.



Mengurus Impak Tarif Elektrik

Tampungan dana KWIE bagi surcaj atau rebat *Imbalance Cost-Pass Through* (ICPT) kepada pengguna domestik dan bukan domestik di Semenanjung dan Wilayah Persekutuan Labuan di bawah kendalian pihak utiliti iaitu Tenaga Nasional Berhad (TNB), NUR Distribution Sdn. Bhd. (NUR Dist.) dan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) serta pemegang Lesen Awam Pengagihan (LAP) bagi tahun 2024 adalah mengikut kelulusan yang telah diputuskan oleh MJM bagi pelaksanaannya untuk setiap 6 bulan.

Semenanjung

Bagi pelarasan tarif elektrik di bawah mekanisme ICPT di Semenanjung bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2024, Kerajaan telah memutuskan supaya rebat ICPT pada kadar 2.00 sen/kWj kekal dilepaskan kepada semua pengguna domestik bagi penggunaan elektrik bulanan 600 kWj dan ke bawah, dan surcaj sebanyak 10.00 sen/kWj kekal dikenakan bagi penggunaan elektrik melebihi 1,500 kWj.

Kadar surcaj 3.70 sen/kWj pula kekal dikenakan bagi pengguna bukan domestik di bawah kategori tarif voltan rendah, pertanian spesifik dan operator air dan pembentungan di Semenanjung manakala pengguna bukan domestik selain yang dinyatakan kekal dikenakan surcaj pada kadar 17.00 sen/kWj.

Kerajaan turut memutuskan supaya pelarasan tarif elektrik di bawah mekanisme ICPT di Semenanjung bagi pengguna domestik bagi tempoh 1 Julai hingga 31 Disember 2024 dikekalkan seperti tempoh pelarasan tarif elektrik sebelumnya.

Bagi pengguna bukan domestik di bawah kategori tarif voltan rendah, pertanian spesifik dan operator air dan pembentungan di Semenanjung pula, kadar surcaj diturunkan kepada 2.70 sen/kWj manakala pengguna bukan domestik selain yang dinyatakan dikenakan surcaj pada kadar 16.00 sen/kWj.

Kulim Hi-Tech Park

Kerajaan juga telah memutuskan supaya pelarasan tarif elektrik di bawah mekanisme ICPT di Kulim Hi-Tech Park (KHTP) bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2024 dengan surcaj pada kadar 6.50 sen/kWj dikenakan kepada pengguna domestik dengan penggunaan elektrik bulanan melebihi 1,500 kWj dan juga kepada pengguna bukan domestik.

Kerajaan turut bersetuju supaya pelarasan tarif elektrik di bawah mekanisme ICPT di KHTP bagi tempoh 1 Julai hingga 31 Disember 2024 bagi pengguna domestik dengan penggunaan elektrik melebihi 1,500 kWj serta pengguna bukan domestik dikenakan surcaj pada kadar 5.50 sen/kWj.

Wilayah Persekutuan Labuan

Kerajaan juga telah bersetuju supaya pelarasan tarif elektrik di Wilayah Persekutuan Labuan bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2024 dengan pengecualian surcaj ICPT dikekalkan kepada pengguna domestik dengan penggunaan elektrik sebanyak 1,500 kWj dan ke bawah serta kepada pengguna bukan domestik kategori tarif voltan rendah, manakala kadar surcaj sebanyak 7.21 sen/kWj dikenakan kepada pengguna domestik bagi penggunaan elektrik melebihi 1,500 kWj dan juga kepada pengguna bukan domestik selain yang dinyatakan.

Manakala bagi tempoh 1 Julai hingga 31 Disember 2024 pula, Kerajaan telah memutuskan supaya pelarasan tarif elektrik di bawah mekanisme ICPT di Wilayah Persekutuan Labuan dengan kadar surcaj sebanyak 4.06 sen/kWj dikenakan kepada pengguna domestik dengan penggunaan elektrik melebihi 1,500 kWj dan kepada pengguna bukan domestik. Pengecualian surcaj turut dikekalkan kepada pengguna domestik dengan penggunaan elektrik 1,500 kWj dan ke bawah dan juga kepada pengguna bukan domestik di dalam kategori voltan rendah.

Perincian keputusan pelarasan tarif elektrik dan penggunaan dana KWIE bagi tahun 2024 bagi pengguna di bawah TNB, NUR Dist. dan pemegang LAP adalah seperti berikut:

Keputusan Kerajaan bagi Pelaksanaan ICPT bagi Tahun 2024

Semenanjung

Tempoh	Jan – Jun 2024			Jul – Dis 2024		
Kategori Pengguna	Domestik	Bukan Domestik[1]	Bukan Domestik[2]	Domestik	Bukan Domestik[3]	Bukan Domestik[4]
Keputusan Majlis Jemaah Menteri (MJM)	**Rebat** 2.00 sen/kWj[5] **Surcaj** 10.00 sen/kWj[6]	**Surcaj** 3.70 sen/kWj	**Surcaj** 17.00 sen/kWj	**Rebat** 2.00 sen/kWj[5] **Surcaj** 10.00 sen/kWj[6]	**Surcaj** 2.70 sen/kWj **Surcaj** 9.00 sen/kWj[7]	**Surcaj** 16.00 sen/kWj
Tampungan KWIE	**RM538.77 juta[8]**			**RM2,191.25 juta[8]**		
Tampungan Kerajaan	**RM1,396.07 juta[9]**			**-**		

Nota:
1. Bagi pengguna bukan domestik berkategori tarif B, D, H, H1 dan H2 serta operator air dan pembentungan.
2. Bagi pengguna bukan domestik berkategori tarif selain daripada nota no. 1.
3. Bagi pengguna bukan domestik berkategori tarif B, D, H, H1 dan H2 serta operator air dan pembentungan.
4. Bagi pengguna bukan domestik berkategori tarif selain daripada nota no. 3 dan 7.
5. Bagi penggunaan 1,500 kWj dan ke bawah.
6. Bagi penggunaan melebihi 1,500 kWj.
7. Bagi pengguna bukan domestik dalam kategori lampu Jalan (tarif G dan G1) di bawah seliaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
8. Tampungan kos ICPT yang diluluskan oleh Kerajaan adalah berasaskan amaun anggaran manakala amaun tuntutan adalah berdasarkan data jualan elektrik sebenar dan terhad setakat tampungan yang diluluskan oleh Kerajaan.
9. Tampungan Kerajaan telah dipinda kepada tampungan KWIE selaras dengan keputusan MJM pada 20 Jun 2024 dan 20 Disember 2024.

KHTP

Tempoh	Jan – Jun 2024		Jul – Dis 2024	
Kategori Pengguna	Domestik	Bukan Domestik	Domestik	Bukan Domestik
Keputusan Majlis Jemaah Menteri (MJM)	**Surcaj** 6.50 sen/kWj[1]	**Surcaj** 6.50 sen/kWj	**Surcaj** RM5.50 sen/kWj[1]	**Surcaj** RM5.50 sen/kWj
Tampungan KWIE	**RM0.73 juta[2]**		**RM0.44 juta[3]**	
Tampungan Kerajaan	-		-	

Nota:
1. Bagi penggunaan melebihi 1,500 kWj.
2. Tampungan ini dibiayai melalui pelarasan (net-off) lebihan kutipan surcaj ICPT di KHTP.
3. Tampungan kos ICPT yang diluluskan oleh Kerajaan adalah berasaskan amaun anggaran manakala amaun tuntutan adalah berdasarkan data jualan elektrik sebenar dan terhad setakat tampungan yang diluluskan oleh Kerajaan.

Tuntutan Tampungan Kos ICPT Pengguna Domestik dan Bukan Domestik bagi Tahun 2024

Selaras dengan keputusan Kerajaan, peruntukan bagi tampungan kos ICPT ini adalah dibiayai sepenuhnya oleh KWIE, di mana Kerajaan menetapkan pelaksanaannya secara pembayaran balik (*reimbursement*) tuntutan yang telah disemak dan disahkan oleh ST kepada pemegang lesen.

Pemberian tampungan kos ICPT ini melibatkan pengguna domestik dan bukan domestik yang mendapat bekalan elektrik daripada pemegang lesen seperti TNB, NUR Dist. dan pemegang Lesen Awam Pengagihan (LAP).

TNB

Kerajaan melalui keputusan MJM pada 20 Jun 2024 dan 20 Disember 2024 telah memutuskan supaya kos tampungan ICPT bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2024 dibiayai sepenuhnya oleh KWIE.

Jumlah tampungan sebanyak RM1,396.07 juta tersebut adalah berdasarkan jumlah unjuran elektrik, sebagaimana yang telah diputuskan di dalam MJM pada 13 Disember 2023. Sebarang perbezaan di antara jumlah unjuran dan jumlah jualan sebenar elektrik oleh pihak TNB akan diselaraskan di dalam semakan ICPT akan datang.

Bagi tempoh 1 Julai hingga 31 Disember 2024 pula, tuntutan kos ICPT oleh TNB berjumlah RM1,968.66 juta adalah berdasarkan jumlah jualan elektrik sebenar dan terhad kepada amaun yang diputuskan oleh Kerajaan. Sebarang perbezaan diantara jumlah unjuran dan jumlah jualan elektrik sebenar akan diselaraskan melalui semakan ICPT akan datang.

NUR Dist.

Bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2024, tuntutan kos ICPT adalah berdasarkan jumlah jualan elektrik sebenar, dan terhad kepada RM0.73 juta seperti yang telah diputuskan oleh Kerajaan.

Walau bagaimanapun, kos ICPT bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2024 ditampung melalui pelarasan (*net-off*) lebihan kutipan surcaj ICPT yang dilaksanakan di KHTP.

Bagi tempoh 1 Julai hingga 31 Disember 2024 pula, pembayaran tuntutan kos ICPT berjumlah RM0.44 juta adalah berdasarkan jumlah jualan elektrik sebenar dan terhad kepada amaun yang diputuskan oleh Kerajaan. Perbezaan antara jumlah sebenar dan unjuran akan diselaraskan dalam semakan pelarasan ICPT akan datang.

Pemegang LAP

Sebanyak RM167.66 juta kos tuntutan ICPT pemegang LAP telah ditampung oleh KWIE bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2024 berbanding RM538.77 juta seperti yang diputuskan Kerajaan.

Bagi tempoh 1 Julai hingga 31 Disember 2024 pula, sebanyak RM154.91 juta telah ditampung KWIE bagi tuntutan kos ICPT berbanding RM164.86 juta seperti yang diputuskan Kerajaan.

Perincian tuntutan kos ICPT bagi tahun 2024 bagi pengguna di bawah TNB, NUR Dist. dan pemegang LAP adalah seperti berikut:



Perincian tuntutan kos ICPT bagi tahun 2024 bagi kategori pengguna di bawah TNB, NUR Dist. dan pemegang LAP adalah seperti berikut:

Tempoh Pelaksanaan

Januari – Jun 2024







Julai – Disember 2024







Jumlah purata bilangan pengguna berdasarkan data yang diberikan oleh TNB

Pengguna Domestik (Tarif A)

Pengguna Bukan Domestik (Tarif B, D, H, H1, H2, Operator Air & Pembentungan)

Perincian purata bilangan pengguna di bawah TNB, NUR Dist. dan pemegang LAP yang menerima tampungan kos ICPT bagi tahun 2024 adalah seperti berikut:

Tempoh Pelaksanaan

Januari – Jun 2024	Julai – Disember 2024



Jumlah purata bilangan pengguna berdasarkan data yang diberikan oleh TNB

Pengguna Domestik (Tarif A)

Pengguna Bukan Domestik (Tarif B, D, H, H1, H2, Operator Air & Pembentungan)

Perincian kategori tarif elektrik pemegang LAP yang menerima tampungan kos ICPT bagi tahun 2024 mengikut adalah seperti berikut:



Tarif	Bilangan LAP
C1	202
C2	41
C3	4
E1	2
E2	1

Perincian purata bilangan pengguna pemegang LAP yang menerima tampungan kos ICPT bagi tahun 2024 mengikut negeri di Semenanjung adalah seperti berikut:



Pembangunan Kapasiti Unit KWIE

Unit KWIE sentiasa aktif menyertai pelbagai program pembangunan kapasiti yang dirancang untuk memperkukuh keupayaan kakitangannya, memperluas pengetahuan mereka, serta meningkatkan kemahiran teknikal dan profesional.

Langkah ini bertujuan bukan sahaja untuk menambah baik mutu kerja kakitangan, tetapi juga untuk memastikan mereka kekal kompeten dan mampu bersaing dalam suasana kerja yang semakin kompleks dan berdaya saing.

Program-program yang dibiayai ST ini merangkumi lawatan, seminar, serta kursus yang berkaitan dengan kemajuan teknologi dan inovasi terkini. Dengan melibatkan diri secara konsisten dalam inisiatif ini, Unit KWIE berupaya memperbaiki kredibiliti organisasi, memastikan standard kerja yang tinggi, dan terus relevan dalam landskap inovasi yang sentiasa berubah.

Usaha berterusan ini membuktikan komitmen unit KWIE untuk memenuhi keperluan semasa serta menyumbang secara aktif kepada pembangunan organisasi.

Antara sorotan aktiviti pembangunan kapasiti yang disertai adalah:

Malaysia Institute of Accountants (MIA) International Accountants Conference 2024

Persidangan bagi professional akauntan untuk mengikuti penyampaian dan kemas kini maklumat-maklumat terkini berkaitan transisi kewangan yang turut diselarikan dengan hala tuju kelestarian (*sustainability*) negara.

Kursus Pengauditan Penyata Kewangan MPSAS

Kursus untuk para professional dan juruaudit dalam yang ingin mendalami skop pengauditan penyata kewangan selaras dengan piawaian MPSAS dari perspektif juruaudit.

Malaysia Statistic Conference 2024

Platfom bagi perangkawan, penyelidik, pakar statistik dan pengguna data membentang dan membincangkan analisis dan penemuan bar serta bertukar pandangan dan idea berkenaan cabaran dalam penyusunan, penggunaan dan penyebaran statistik rasmi.

Energy Commission Conference (ENERCON) 2024

Persidangan dalaman ST yang bertujuan untuk meningkatkan kompetensi kakitangan, memupuk budaya pembelajaran dan meningkatkan kemahiran komunikasi melalui penulisan dan penyampaian.

Suruhanjaya Tenaga: Building a Winning Team

Program ini diadakan bertujuan untuk mempertingkatkan kemahiran komunikasi, perancangan dan penyelesaian masalah. Disamping itu program ini secara tidak langsung akan meningkatkan perhubungan & motivasi kakitangan serta semangat kerja berkumpulan demi kemajuan ST.

Lawatan ke Tapak Projek Overhead Line (OHL) 275kV The Light, Tapak Large Scale Solar (LSS) Solarpack 100MW dan Stesen Janakuasa TNB Prai

Lawatan bagi pemantauan kemajuan projek pembangunan tranmisi yang dikawalselia oleh ST serta lawatan kerja di tapak penjanaan elektrik bagi memberikan pendedahan praktikal tentang cara stesen janakuasa beroperasi, termasuk penghasilan, pengedaran, dan pengurusan tenaga elektrik.

Sorotan Gambar Aktiviti Pembangunan Kapasiti KWIE























Pengurusan Dana

3

25 Terimaan KWIE
26 Pendapatan Faedah KWIE
27 Pelaburan Dana KWIE
29 Penggunaan Dana oleh KWIE



Terimaan KWIE

Terimaan Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) pada tahun 2024 adalah berdasarkan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) seperti berikut

TNB

13 Disember 2023

i. Lebihan kutipan surcaj *Imbalance Cost-Pass Through* (ICPT) Tenaga Nasional Berhad (TNB) sebanyak 4.45 sen/kWj bersamaan RM41.08 juta[1] dimasukkan ke dalam dana KWIE.

ii. Lebihan kutipan surcaj ICPT TNB sebanyak 11.45 sen/kWj bersamaan RM3,169.18 juta[1] dimasukkan ke dalam dana KWIE.

28 Jun 2024

i. Lebihan kutipan surcaj ICPT TNB sebanyak RM2,516.53 juta[1] dimasukkan ke dalam dana KWIE.

ii. Pelarasan hasil TNB tahun 2023 sebanyak RM1,388.91 juta[3] dimasukkan ke dalam dana KWIE (tidak termasuk perbelanjaan operasi luar jangka (UPOX)[4].

NUR Dist.

13 Disember 2023

i. Lebihan kutipan surcaj ICPT NUR Distrbution Sdn. Bhd. (NUR Dist.) sebanyak RM0.71 juta[2] dimasukkan ke dalam dana KWIE.

20 Jun 2024

i. Lebihan kutipan surcaj ICPT NUR Dist. sebanyak RM17.67 juta[2] dimasukkan ke dalam dana KWIE.

ii. Pelarasan hasil NUR Dist. tahun 2023 sebanyak RM2.01 juta[3] dimasukkan ke dalam dana KWIE.

Nota:

1. Lebihan kutipan surcaj ICPT yang diluluskan oleh Kerajaan adalah berasaskan amaun anggaran manakala amaun yang dipindahkan oleh TNB kepada KWIE berdasarkan data jualan elektrik sebenar dan terhad setakat amaun yang diluluskan oleh Kerajaan. Sekiranya amaun sebenar selepas audit melebihi amaun yang diluluskan Kerajaan, amaun perbezaan berkenaan akan dilaraskan semasa semakan tarif pada tempoh semakan berikutnya.
2. Lebihan kutipan surcaj ICPT yang diluluskan oleh Kerajaan adalah berasaskan amaun anggaran manakala amaun yang dipindahkan oleh NUR Dist. kepada KWIE berdasarkan data jualan elektrik sebenar dan terhad setakat amaun yang diluluskan oleh Kerajaan. Sekiranya amaun sebenar selepas audit melebihi amaun yang diluluskan Kerajaan, amaun perbezaan berkenaan akan dilaraskan semasa semakan tarif pada tempoh semakan berikutnya.
3. Pelarasan Hasil Tahunan TNB dan NUR Dist. 2023 yang dipindahkan ke dana KWIE berdasarkan amaun yang telah diaudit.
4. KWIE telah memindahkan semula perbelanjaan UPOX sebanyak RM304.15 juta kepada TNB selaras dengan persetujuan Kementerian untuk dibiayai oleh KWIE melalui surat bertarikh 28 November 2024 kepada ST daripada YAB Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air.

Pendapatan Faedah KWIE

KWIE memperoleh pendapatan faedah yang terdiri daripada keuntungan bagi penempatan dana KWIE di dalam Simpanan Tetap (FD), *Short Term Money Market Deposit* (STMMD), hibah Akaun Semasa (CA) KWIE dan hibah Akaun Rizab KWIE di institusi kewangan yang berdaftar di bawah Kementerian Kewangan (MOF).

Pada tahun 2024, KWIE merekod pendapatan faedah sebanyak RM110.56 juta. Jumlah ini meningkat sebanyak 391% berbanding tahun 2023 selaras dengan peningkatan hasil terimaan lebihan ICPT TNB dan NUR Dist. pada tahun semasa berbanding pada tahun sebelumnya.

Perbandingan Pendapatan Faedah KWIE, Tahun 2023 – 2024

Pendapatan Faedah		
	2024	**2023**
Faedah FD & STMMD	RM88.28 juta	RM21.62 juta
Hibah CA	RM22.28 juta	RM0.89 juta
Jumlah Pendapatan Faedah	**RM110.56 juta**	**RM22.51 juta**

Perbandingan Sumber Kewangan KWIE Tahun 2024 dan 2023



Pelaburan Dana KWIE

Selaras dengan peruntukan seksyen 44D (1) Akta Bekalan Elektrik 1990 [*Akta 447*] (ABE), penempatan dan pengagihan pelaburan dana KWIE dilaksanakan di institusi kewangan berdasarkan senarai yang diluluskan oleh MOF.

Sehingga kini, dana KWIE ditempatkan dalam pelaburan jenis FD dan STMMD.

Saiz Pelaburan dan Kadar Pulangan

Pelaburan dana KWIE di dalam FD dan STMMD tahun 2024 bagi tempoh penempatan di antara satu (1) bulan hingga 12 bulan dengan kadar pulangan di antara 3.60% hingga 4.20% telah menjana pulangan pelaburan sebanyak RM88.28 juta.

Sepanjang tahun 2024, Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengekalkan kadar *Overnight Policy Rate* (OPR) pada kadar 3.00%.

Peratus Agihan Penempatan Dana KWIE Tahun 2024 Mengikut Bank



Perincian Penempatan dan Pengagihan Dana KWIE di Institusi Kewangan



Penggunaan Dana oleh KWIE

Subseksyen 44C(3) ABE memperuntukkan supaya dana KWIE digunakan untuk tujuan berikut:



Perenggan 44C(3)(a)
Untuk menguruskan impak tarif elektrik terhadap pengguna.



Perenggan 44C(3)(b)
Apa-apa maksud lain yang berkaitan dengan industri elektrik sebagaimana yang disifatkan perlu oleh Suruhanjaya.

Perincian perbelanjaan dana KWIE bagi tahun 2024 adalah seperti berikut:

Perbelanjaan KWIE	2024	2023
Mengurus impak tarif elektrik	RM3,991.88 juta	-
Perbelanjaan pengurusan dana	RM33.49 juta	RM6.91 juta
Jumlah Perbelanjaan	**RM4,025.37 juta**	**RM6.91 juta**

Perbelanjaan Cukai KWIE

Perbelanjaan cukai KWIE dikira atas lebihan pendapatan bercukai bagi tahun semasa berasaskan kepada pengiraan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan diuruskan oleh ejen cukai yang dilantik oleh ST. Sejak tahun 2017, KWIE telah membayar dan memperuntukkan perbelanjaan cukai berjumlah RM512.10 juta.

RM33.10 juta
2024

RM6.68 juta
2023

Kos Pentadbiran KWIE

Pada tahun 2024, KWIE mencatat kenaikan kos pentadbiran sebanyak 63% berbanding tahun 2023 yang disumbangkan oleh kenaikan kos penyelenggaran Sistem Digital KWIE yang direkod secara penuh pada tahun 2024 berbanding tahun sebelumnya.

Perbandingan perincian kos pentadbiran bagi 2024 dan 2023 adalah seperti berikut:



2024



2023

4

Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik

bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024

36 Pengakuan oleh Pegawai Utama yang Bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan KWIE

37 Penyata Pengerusi dan Seorang Anggota Suruhanjaya Tenaga

01 Penyata Kewangan KWIE bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2024 Kumpulan Wang Industri Elektrik dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Prestasi Bajet bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 36.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik pada 31 Disember 2024 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [*Akta 447*].

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kumpulan Wang Industri Elektrik dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Anggota Suruhanjaya Tenaga, Kumpulan Wang Industri Elektrik bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Anggota Suruhanjaya Tenaga Terhadap Penyata Kewangan

Anggota Suruhanjaya Tenaga bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [*Akta 447*]. Anggota Suruhanjaya Tenaga juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik, Anggota Suruhanjaya Tenaga bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan Wang Industri Elektrik untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;

b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan Wang Industri Elektrik;

c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Suruhanjaya Tenaga;

d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Suruhanjaya Tenaga dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kumpulan Wang Industri Elektrik sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Kumpulan Wang Industri Elektrik tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan

e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Anggota Suruhanjaya Tenaga telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Anggota Suruhanjaya Tenaga, Kumpulan Wang Industri Elektrik berdasarkan keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [*Akta 447*] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

(DATO' SERI WAN SURAYA WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
24 JUN 2025

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Saya, Marlinda Binti Mohd Rosli, Pengarah Jabatan Kawal Selia Ekonomi yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Kumpulan Wang Industri Elektrik, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/ Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet Kumpulan Wang Industri Elektrik dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di ..... KUALA LUMPUR WILAYAH PERSEKUTUAN .....)
pada..... 20 FEB 2025 .....)

.....

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
No : W843
Nama: YUSRIZAL BIN ZAINOL ABIDIN
01.01.2024-31.12.2026
MALAYSIA

.....

PESURUHJAYA SUMPAH

NO.23A-3, BLOCK A
PLATINUM WALK, JALAN LANGKAWI
53300 SETAPAK
KUALA LUMPUR

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG ANGGOTA SURUHANJAYA TENAGA

Kami Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar dan Siti Safinah binti Salleh yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota Suruhanjaya Tenaga dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Suruhanjaya Tenaga, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet Kumpulan Wang Industri Elektrik yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Kumpulan Wang Industri Elektrik pada 31 Disember 2024 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Anggota,

.....
Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar
Pengerusi

Tarikh: 20 FEBRUARI 2025

Tempat: Suruhanjaya Tenaga
Presint 2, Putrajaya

Bagi Pihak Anggota,

.....
Siti Safinah binti Salleh
Ketua Pegawai Eksekutif

Tarikh: 20 FEBRUARI 2025

Tempat: Suruhanjaya Tenaga
Presint 2, Putrajaya

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [*AKTA 447*]

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2024

	Nota	2024 RM	2023 RM
Aset Bukan Semasa			
Kerja Dalam Pembangunan	5	-	98,103
Aset Tak Ketara	6	459,279	460,165
Jumlah Aset Bukan Semasa		**459,279**	**558,268**
Aset Semasa			
Faedah Belum Terima	7	36,189,301	6,526,163
Tunai dan Kesetaraan Tunai	8	336,309,599	352,617,492
Pelaburan Jangka Pendek	9	4,798,765,000	446,695,000
Penghutang	10	1,127,553,730	543,368,530
Jumlah Aset Semasa		**6,298,817,630**	**1,349,207,185**
Jumlah Aset		**6,299,276,909**	**1,349,765,453**
Liabiliti Semasa			
Pemiutang	11	1,761,155,512	-
Pelbagai Pemiutang dan Perbelanjaan Terakru	12	71,590	126,231
Peruntukan Cukai		33,097,519	6,681,845
Jumlah Liabiliti		**1,794,324,621**	**6,808,076**
ASET BERSIH		**4,504,952,288**	**1,342,957,377**
Aset Bersih:			
Lebihan Terkumpul		3,892,388,002	885,642,079
Rizab	13	612,564,286	457,315,298
ASET BERSIH		**4,504,952,288**	**1,342,957,377**

Nota-nota yang disertakan dari muka surat 7 hingga 36 merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [*AKTA 447*]

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

	Nota	2024 RM	2023 RM
Pendapatan			
Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran			
Terimaan	14	7,076,803,656	391,029,038
Hasil Daripada Urus Niaga Pertukaran			
Pendapatan Faedah	15	110,563,730	22,511,484
		7,187,367,386	**413,540,522**
Perbelanjaan			
Rebat/Surcaj *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT)	16	(3,687,730,620)	-
Kos Regulatori — *Incentive Based Regulation (IBR)*	17	(304,153,611)	-
Kos Pentadbiran dan Caj Bank	18	(226,334)	(91,240)
Pelunasan Aset Tak Ketara	6	(164,391)	(145,316)
		(3,992,274,956)	(236,556)
LEBIHAN SEBELUM CUKAI		**3,195,092,430**	**413,303,966**
Cukai	19	(33,097,519)	(6,681,845)
LEBIHAN SELEPAS CUKAI	20	**3,161,994,911**	**406,622,121**

Nota-nota yang disertakan dari muka surat 7 hingga 36 merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [*AKTA 447*]

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

	Lebihan Terkumpul RM	Rizab RM	Jumlah RM
Baki pada 1 Januari 2023	498,287,098	438,048,158	936,335,256
Pindahan ke Akaun Rizab	(7,820,167)	7,820,167	-
Lebihan Pendapatan Sebelum Cukai	397,025,097	16,278,869	413,303,966
Cukai Tahun Semasa	(1,849,949)	(4,831,896)	(6,681,845)
Baki pada 31 Disember 2023/1 Januari 2024	**885,642,079**	**457,315,298**	**1,342,957,377**
Pindahan ke Akaun Rizab	(141,536,073)	141,536,073	-
Lebihan Pendapatan Sebelum Cukai	3,175,795,542	19,571,806	3,195,092,430
Cukai Tahun Semasa	(27,238,628)	(5,858,891)	(33,097,519)
Baki pada 31 Disember 2024	**3,892,388,002**	**612,564,286**	**4,504,952,288**

Nota-nota yang disertakan dari muka surat 7 hingga 36 merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [*AKTA 447*]

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

	Nota	2024 RM	2023 RM
Aliran tunai daripada aktiviti operasi			
Lebihan sebelum cukai		3,195,092,430	413,303,966
Pelarasan bagi:			
Pendapatan Faedah	15	(110,563,730)	(22,511,484)
Pelunasan Aset Tak Ketara	6	164,391	145,316
Lebihan sebelum perubahan modal kerja		**3,084,693,091**	**390,937,798**
Perubahan dalam modal kerja:			
Peningkatan Penghutang		(584,185,200)	(192,506,099)
Peningkatan/(Pengurangan) Pemiutang dan Pelbagai Pemiutang dan Perbelanjaan Terakru		1,761,100,871	(998,086)
Tunai dihasilkan dalam aktiviti operasi		4,261,608,762	197,433,613
Cukai dibayar		(6,681,845)	(7,528,927)
Cukai diterima		-	20,152,235
Tunai bersih dihasilkan dalam aktiviti operasi		**4,254,926,917**	**210,056,921**
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan			
Faedah Diterima		80,900,592	17,675,278
Pengurangan/(Peningkatan) Kerja Dalam Pembangunan	5	98,103	(8,175)
Peningkatan Aset Tak Ketara	6	(163,505)	-
Peningkatan Pelaburan Jangka Pendek	9	(4,352,070,000)	(16,767,000)
Tunai bersih (digunakan)/dihasilkan daripada aktiviti pelaburan		**(4,271,234,810)**	**900,103**
(Pengurangan)/Peningkatan bersih tunai dan kesetaraan tunai		(16,307,893)	210,957,024
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun		352,617,492	141,660,468
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun		**336,309,599**	**352,617,492**

Nota-nota yang disertakan dari muka surat 7 hingga 36 merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [*AKTA 447*]

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 (SAMBUNGAN)

	Nota	2024 RM	2023 RM
Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada:			
Akaun Mengurus:			
Baki di Bank	8	336,225,489	861,447
Deposit di Bank		-	351,742,000
Tunai dan kesetaraan tunai Akaun Mengurus		**336,225,489**	**352,603,447**
Akaun Rizab:			
Baki di Bank	8	84,110	14,045
Tunai dan kesetaraan tunai Akaun Rizab		**84,110**	**14,045**
Tunai dan Kesetaraan Tunai		**336,309,599**	**352,617,492**

Nota-nota yang disertakan dari muka surat 7 hingga 36 merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [*AKTA 447*]

PENYATA PRESTASI BAJET BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

	Jumlah Bajet RM	Jumlah Sebenar RM	^Varian Bajet RM
Penerimaan			
Terimaan	7,134,638,000	7,076,803,656	57,834,344
Pendapatan Faedah	110,570,000	110,563,730	6,270
	7,245,208,000	**7,187,367,386**	**57,840,614**
Pembayaran			
Rebat/Surcaj ICPT	4,127,290,000	3,687,730,620	439,559,380
Kos Regulatori - IBR	304,154,000	304,153,611	389
Kos Pentadbiran dan Caj Bank	321,515	226,334	95,181
Cukai Tahun Semasa	33,100,000	33,097,519	2,481
	4,464,865,515	**4,025,208,084**	**439,657,431**
PENGGUNAAN BERSIH	**2,780,342,485**	**3,162,159,302**	**(381,816,817)**

^Varian Bajet merujuk kepada varian di antara Jumlah Bajet dan Jumlah Sebenar.

Nota-nota yang disertakan dari muka surat 7 hingga 36 merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [*AKTA 447*]

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

1. MAKLUMAT AM

Suruhanjaya Tenaga merupakan agensi pengawal selia tunggal bagi pengawal seliaan dan pembangunan sektor tenaga. Suruhanjaya Tenaga mempunyai tanggungjawab langsung bagi menyelia dan mengawasi kegiatan penjanaan tenaga termasuk mengawal selia setiap individu yang berlesen bawah Akta Suruhanjaya Tenaga 2001 dan Akta Bekalan Elektrik 1990.

Di bawah peruntukan subseksyen 26(1) Akta Bekalan Elektrik 1990 menyatakan bahawa "Suruhanjaya boleh menentukan tarif dan caj untuk dilevikan, dengan kelulusan Menteri, oleh seseorang pemegang lesen." Berasaskan kepada peruntukan undang-undang tersebut, Suruhanjaya Tenaga dengan kelulusan Kerajaan telah mula melaksanakan kerangka kerja kawal selia berasaskan insentif (*Incentive-Based Regulation Framework* – IBR) bagi penetapan dan pelarasan tarif elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada setiap tempoh kawal selia (regulatori) seperti berikut:

- Regulatori Pertama (RP1) – Tahun 2015 hingga 2017
- Regulatori Kedua (RP2) – Tahun 2018 hingga 2021
- Regulatori Ketiga (RP3) – Tahun 2022 hingga 2024

Di bawah IBR, tarif elektrik mempunyai dua komponen utama, iaitu tarif asas yang tidak berubah dalam tempoh kawal selia IBR dan *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT) dalam bentuk rebat atau pun surcaj dalam tarif pengguna yang dilaksanakan pada setiap enam (6) bulan. ICPT bermaksud melepaskan apa-apa kos tak berimbang (*imbalance cost*), iaitu perbezaan di antara kos sebenar bahan api serta kos lain penjanaan yang didapati munasabah dan di luar kawalan TNB dengan kos unjuran yang diguna pakai dalam penetapan tarif asas bagi tempoh 6 bulan sebelumnya.

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [*AKTA 447*]

2. KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Kumpulan Wang lndustri Elektrik (KWIE) ditadbir urus sepenuhnya oleh Suruhanjaya Tenaga yang beroperasi di No.12, Jalan Tun Hussein, Presint 2, 62100 Putrajaya.

KWIE telah ditubuhkan melalui Akta Bekalan Elektrik 1990 [*Akta 447*] (ABE), yang dipinda dan dikuatkuasa pada 1 Januari 2016 bagi tujuan menguruskan impak tarif elektrik kepada pengguna serta apa-apa maksud lain yang berkaitan dengan industri elektrik sebagaimana yang disifatkan perlu oleh Suruhanjaya Tenaga. KWIE beroperasi sepenuhnya pada tahun 2017.

Penyata Kewangan ini telah dibentang dan diluluskan oleh Anggota Suruhanjaya Tenaga pada 20 Februari 2025.

Penyata Kewangan KWIE dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM).

3. ASAS PENYEDIAAN

a) Keterangan Pematuhan

Penyata kewangan Kumpulan Wang lndustri Elektrik yang disediakan berdasarkan kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia — "Malaysian Public Sector Accounting Standard" (MPSAS) yang diluluskan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

b) Asas Pengukuran

Penyata Kewangan telah disediakan berasaskan konvensyen kos sejarah dan amalan perakaunan yang diterima umum di Malaysia.

c) Asas Perakaunan

Pada 1 Januari 2020, KWIE telah memilih untuk menerima pakai MPSAS bagi pelaporan penyata kewangan bermula tahun 2020. MPSAS yang diterima pakai adalah seperti berikut:-

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [*AKTA 447*]

c) Asas Perakaunan (sambungan)

MPSAS 1	Pembentangan Penyata Kewangan
MPSAS 2	Penyata Aliran Tunai
MPSAS 3	Polisi Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan
MPSAS 9	Hasil daripada Urusniaga Pertukaran
MPSAS 14	Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan
MPSAS 19	Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka
MPSAS 20	Pendedahan Pihak Berkaitan
MPSAS 21	Penjejasan Nilai Aset Tidak Menjana Tunai
MPSAS 22	Pendedahan Maklumat Kewangan
MPSAS 23	Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran (Cukai dan Pindahan)
MPSAS 24	Persembahan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan
MPSAS 26	Penjejasan Nilai Aset Menjana Tunai
MPSAS 28	lnstrumen Kewangan: Pembentangan
MPSAS 29	lnstrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran
MPSAS 30	lnstrumen Kewangan: Pendedahan
MPSAS 31	Aset Tak Ketara
MPSAS 33	Pemakaian Kali Pertama MPSAS Asas Akruan
MPSAS 38	Pendedahan Kepentingan di dalam Entiti Lain

d) Anggaran Dan Pertimbangan Perakaunan Signifikan

Penyediaan Penyata Kewangan mengikut MPSAS memerlukan pengurusan untuk membuat pertimbangan anggaran dan andaian yang mempengaruhi pemakaian polisi perakaunan dan laporan amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan.

Walaupun pertimbangan, anggaran dan andaian adalah berdasarkan kepada pengetahuan dan tindakan semasa pihak pengurusan yang terbaik, keputusan sebenar mungkin berbeza. Anggaran dan andaian disemak atas dasar berterusan.

Semakan anggaran perakaunan, sekiranya ada akan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran disemak dan dalam mana-mana tempoh hadapan yang berkenaan.

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK
Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [*AKTA 447*]

4. POLISI PERAKAUNAN

a) Kerja Dalam Pembangunan

Kerja dalam pembangunan merupakan pembangunan Sistem Kewangan KWIE (*Standard Accounting System For Government Agencies* - SAGA) yang belum siap dibangunkan dan dinyatakan pada kos. Kos adalah termasuk perbelanjaan yang berkait terus dengan perolehan dan pembangunan sistem.

Kerja dalam pembangunan akan dipermodalkan sebagai aset tak ketara selepas ianya selesai dibangunkan.

b) Aset Tak Ketara

Aset tak ketara terdiri daripada Sistem Kewangan KWIE (SAGA) yang siap dibangunkan, boleh digunakan dan dinyatakan pada kos. Kos adalah termasuk perbelanjaan yang berkait terus dengan perolehan sistem.

Semua kos pembaikan dan penyelenggaraan akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dan dikira dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh kewangan ianya ditanggung.

Tempoh jangka hayat aset tak ketara ditentukan selama lima (5) tahun. Pelunasan aset tak ketara menggunakan kaedah garis lurus sepanjang anggaran hayat usia guna aset.

Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset dimana perbezaanya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

c) Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila KWIE menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK
Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [*AKTA 447*]

c) Aset Kewangan (sambungan)

Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urus niaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam menerbit aset kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang, aset kewangan diukur pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan,dan aset kewangan sedia untuk dijual.

Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh urus niaga itu dibuat, iaitu tarikh di mana KWIE membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

i) Kategori Aset Kewangan

KWIE hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

a) Pinjaman dan Belum Terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah berkesan atau ditolak rosotnilai.

Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK
Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [*AKTA 447*]

c) Aset Kewangan (sambungan)

i) Kategori Aset Kewangan

b) Pelaburan Dipegang Hingga Matang

Aset kewangan bukan derivatif dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang untuk matang apabila KWIE mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Selepas pengukuran awal, dipegang sehingga matang pelaburan diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan atau ditolak rosot nilai.

Kos pelunasan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kaedah faedah efektif. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

c) Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Lebihan atau Kurangan

Pada tarikh pengambilalihan atau pada tarikh akhir tempoh laporan yang berikutnya, keseluruhan instrumen tersebut ditetapkan pada Nilai Saksama Melalui Lebihan atau Kurangan. Waiau bagaimanapun, jika keseluruhan instrumen tidak boleh dinilai dengan yakin, instrumen tersebut dinyatakan pada nilai kos selepas ditolak rosot nilai.

ii) Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, KWIE akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam KWIE yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK
Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [*AKTA 447*]

c) Aset Kewangan (sambungan)

ii) Rosot Nilai Aset Kewangan

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikan ini diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta.

iii) Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesai serta Majlis telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

d) Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila KWIE menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan.

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK
Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [*AKTA 447*]

d) Liabiliti Kewangan (sambungan)

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan dan pinjaman belum bayar.

i) Kategori Liabiliti Kewangan

KWIE hanya mempunyai kategori liabiliti kewangan berikut:

Pinjaman dan Belum Bayar

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

ii) Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [*AKTA 447*]

e) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi tunai di tangan, bank dan deposit di bank dan institusi kewangan lain yang mempunyai kecairan tinggi dengan tempoh matang tiga (3) bulan dan kurang dari tarikh pembelian dan sedia ditukar dalam bentuk tunai dengan risiko perubahan nilai yang rendah.

Penyata Aliran Tunai disediakan menggunakan kaedah secara tidak langsung.

f) Pelaburan Jangka Pendek

Pelaburan jangka pendek (PJP) merupakan deposit di bank dan institusi kewangan lain serta mempunyai kecairan tinggi dengan tempoh matang lebih tiga (3) bulan dan sehingga setahun dari tarikh pembelian dan sedia ditukar dalam bentuk tunai dengan risiko perubahan nilai yang rendah.

g) Penghutang

Penghutang dinyatakan pada kos dan ditolak dengan peruntukan hutang ragu, jika ada.

h) Pemiutang

Pemiutang dan pelbagai pemiutang dan perbelanjaan terakru dinyatakan pada nilai saksama bayaran yang perlu dibayar untuk barangan dan perkhidmatan yang telah diterima.

i) Rizab

Rizab diwujudkan dengan kelulusan Suruhanjaya Tenaga Bilangan 4 Tahun 2021 pada 8 April 2021 bertujuan untuk memastikan kedudukan dana KWIE yang mampan dengan dana awal rizab sebanyak RM400 juta diperoleh daripada lebihan dana terkumpul. Dalam masa yang sama, peruntukan tambahan 2% daripada pendapatan yang diterima (tidak termasuk pendapatan faedah) bagi tahun-tahun berikutnya mulai tahun 2021 turut dipindahkan ke dalam Akaun Rizab sebagai sebahagian daripada rizab tambahan setelah dana berkenaan diterima dan disalurkan ke dalam dana KWIE.

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK
Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [*AKTA 447*]

i) Rizab (sambungan)

Lebihan pendapatan bersih Akaun Rizab merupakan pendapatan faedah yang dijana daripada pelaburan rizab, yang diperoleh pada tahun semasa, yang akan ditolak dengan cukai kena bayar ke atas pendapatan boleh cukai dan caj bank.

Akaun Rizab ditempatkan di dalam tunai dan kesetaraan tunai dan pelaburan jangka pendek untuk menjana pendapatan faedah yang direkod dalam Penyata Kedudukan Kewangan dan Penyata Prestasi Kewangan.

j) Rosot Nilai

Nilai bawaan bagi aset-aset KWIE dan aset kewangan disemak semula pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk adanya rosot nilai. Jika petunjuk tersebut wujud, nilai boleh pulih akan dianggarkan. Kerugian rosot nilai akan diiktiraf dalam penyata pendapatan melainkan jika nilai bawaan aset tersebut telah dinilaikan semula, di mana ianya dikenakan ke rizab. Kerugian rosot nilai diiktiraf apabila nilai bawaan bagi aset atau aset yang dipunyai oleh unit menjana tunai melebihi nilai boleh pulihnya.

Amaun boleh pulih adalah nilai yang lebih tinggi antara harga jualan bersih harta tersebut dan nilai sedang digunakan. Dalam menentukan nilai gunaan, anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaunkan kepada nilai semasa menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko-risiko khusus atas harta tersebut. Bagi aset yang tidak menghasilkan sebahagian besar aliran tunainya secara tersendiri, amaun yang boleh diperolehi ditentukan untuk aset yang dipunyai oleh unit menjana tunai untuk aset berkenaan.

Bagi aset-aset yang lain, kerugian rosot nilai akan diambil kira semula apabila terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun boleh pulih.

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK
Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [*AKTA 447*]

j) Rosot Nilai (sambungan)

Kerugian rosot nilai hanya akan dikira semula ke tahap nilai bawaan aset tersebut tidak melebihi nilai bawaan asal, setelah ditolak susut nilai, seolah-olah kerugian rosot nilai tidak pernah dikenakan. Kiraan semula tersebut akan direkodkan dalam Penyata Prestasi Kewangan, melainkan jika kiraan semula tersebut dikenakan kepada aset yang dinilaikan semula, ianya akan dikenakan ke ekuiti.

k) Percukaian

Cukai pendapatan ke atas lebihan atau defisit bagi tahun berkenaan ialah cukai semasa. Cukai semasa ialah amaun cukai pendapatan dijangka yang perlu dibayar atas lebihan boleh cukai bagi tahun berkenaan dan diukur dengan menggunakan kadar cukai yang digunakan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

Perbelanjaan cukai semasa adalah bayaran cukai yang dijangkakan ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi tahun semasa, dengan menggunakan kadar cukai yang diwartakan atau sebahagian besarnya diwartakan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, dan sebarang perubahan pada bayaran cukai untuk tahun terdahulu.

KWIE telah diberikan pelanjutan tempoh pengecualian cukai ke atas semua pendapatan berkanun untuk tempoh tiga (3) tahun mulai tahun taksiran 2022 hingga tahun taksiran 2024. Walau bagaimanapun, pendapatan-pendapatan lain yang diterima oleh KWIE adalah tertakluk kepada cukai pendapatan.

l) Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan

i) Pengiktirafan Pendapatan

Terimaan

Terimaan merupakan pendapatan urusniaga bukan pertukaran bagi urusniaga yang melibatkan keputusan Kerajaan bagi hak yang diluluskan untuk terimaan disahkan diiktiraf seperti berikut:

a. Terimaan yang merujuk kepada tarikh efektif yang diperincikan di dalam keputusan Kerajaan diiktiraf mengikut asas akruan.

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK
Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [*AKTA 447*]

l) Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan (sambungan)

i) Pengiktirafan Pendapatan

Terimaan

b. Terimaan yang merujuk kepada tarikh kelulusan mengikut keputusan Kerajaan diiktiraf mengikut asas akruan.

ii) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan Faedah

Pendapatan faedah merupakan pendapatan urusniaga pertukaran. Pendapatan faedah daripada *Short-Term Money Market Deposit* (STMMD), simpanan tetap (FD) dan PJP diambil kira mengikut asas akruan.

Pengiktirafan Perbelanjaan

Perbelanjaan melibatkan keputusan Kerajaan bagi tampungan yang diluluskan ke atas KWIE diiktiraf seperti berikut:

a. Perbelanjaan merujuk kepada tarikh efektif yang diperincikan di dalam keputusan Kerajaan diiktiraf mengikut asas akruan.

b. Perbelanjaan yang merujuk kepada tarikh kelulusan mengikut keputusan Kerajaan diiktiraf mengikut asas akruan.

Perbelanjaan bagi kos pentadbiran dan peruntukan cukai diambil kira mengikut asas akruan.

m) Pendedahan Pihak Berkaitan

Pihak-pihak yang dianggap berkaitan jika satu pihak mempunyai keupayaan untuk mengawal pihak lain atau melaksanakan pengaruh ke atas pihak lain, setakat mana ia menghalang pihak lain dari mengejar kepentingan sendiri yang berasingan dalam membuat keputusan kewangan dan operasi.

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [*AKTA 447*]

n) Pertimbangan Perakaunan Kritikal Dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Pertimbangan Perakaunan Kritikal

KWIE berpendapat bahawa tiada pertimbangan perakaunan kritikal dan sumber utama ketidakpastian anggaran yang digunakan ketika menyediakan penyata kewangan selain yang dinyatakan di bawah:

Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

i) Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Aset Tak Ketara

Aset tak ketara disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. KWIE menganggarkan jangka hayat aset tak ketara dalam tempoh lima (5) tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. lni akan menyebabkan susutnilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

ii) Pengukuran Peruntukan

KWIE menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK
Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [*AKTA 447*]

o) Peruntukan

Peruntukan merujuk kepada obligasi perundangan atau komitmen konstruktif berpunca daripada peristiwa lampau yang ada kecenderungan berlakunya aliran keluar sumber ekonomi atau potensi perkhidmatan untuk melunaskan obligasi tersebut. Anggaran jumlah aliran keluar tersebut mestilah boleh dibuat dengan objektif.

Peruntukan ini akan dikaji semula pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Di mana kesan nilai masa wang adalah material, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

p) Maklumat Bajet

Bajet tahunan merujuk kepada perbelanjaan dan pendapatan dirancang untuk menentukan keperluan KWIE yang didedahkan di dalam satu penyata.

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [*AKTA 447*]

5. KERJA DALAM PEMBANGUNAN

	2024	2023
	RM	RM
Kerja Dalam Pembangunan	-	98,103
JUMLAH	**-**	**98,103**

Kerja dalam pembangunan bagi modul Sistem Kewangan KWIE dipermodalkan sepenuhnya setelah modul tersebut sedia digunakan.

6. ASET TAK KETARA

Tahun 2024

	Sistem Kewangan	Jumlah Aset Tak Ketara
	RM	RM
Kos		
Pada 1 Januari	726,577	726,577
Tambahan	163,505	163,505
Pada 31 Disember	**890,082**	**890,082**
Pelunasan Terkumpul		
Pada 1 Januari	(266,412)	(266,412)
Perbelanjaan Pelunasan	(164,391)	(164,391)
Pada 31 Disember	**(430,803)**	**(430,803)**
Nilai Bersih Aset Tak Ketara		
Pada 1 Januari	**460,165**	**460,165**
Pada 31 Disember	**459,279**	**459,279**

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [*AKTA 447*]

6. ASET TAK KETARA (SAMBUNGAN)

Tahun 2023

	Sistem Kewangan	Jumlah Aset Tak Ketara
	RM	RM
Kos		
Pada 1 Januari	726,577	726,577
Tambahan	-	-
Pada 31 Disember	**726,577**	**726,577**
Pelunasan Terkumpul		
Pada 1 Januari	(121,096)	(121,096)
Perbelanjaan Pelunasan	(145,316)	(145,316)
Pada 31 Disember	**(266,412)**	**(266,412)**
Nilai Bersih Aset Tak Ketara		
Pada 1 Januari	**605,481**	**605,481**
Pada 31 Disember	**460,165**	**460,165**

7. FAEDAH BELUM TERIMA

	2024	2023
	RM	RM
Akaun Mengurus	28,252,665	1,968,954
Akaun Rizab	7,936,636	4,557,209
JUMLAH	**36,189,301**	**6,526,163**

Pendapatan faedah belum terima adalah faedah belum matang bagi Akaun Mengurus dan Akaun Rizab yang ditempatkan di akaun STMMD, akaun FD dan akaun PJP berlandaskan patuh syariah yang diambil kira dari tarikh penempatan sehingga tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2024.

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [*AKTA 447*]

8. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	2024 RM	2023 RM
Akaun Mengurus		
Baki di Bank	336,225,489	861,447
Deposit di Bank	-	351,742,000
Jumlah Akaun Mengurus	336,225,489	352,603,447
Akaun Rizab		
Baki di Bank	84,110	14,045
Jumlah Akaun Rizab	84,110	14,045
JUMLAH	**336,309,599**	**352,617,492**

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada baki di bank dan deposit di bank dengan tempoh kecairan kurang daripada tiga (3) bulan daripada tarikh pemerolehan sama ada di dalam Akaun Mengurus atau Akaun Rizab.

Baki di bank ialah baki yang disimpan di dalam akaun simpanan semasa di CIMB Islamic Bank.

Deposit di bank ialah jumlah bagi simpanan di akaun STMMD dan di akaun FD dengan tempoh matang tiga (3) bulan dan kurang dari tarikh pemerolehan dan akan dipindahkan ke akaun simpanan semasa pada tarikh matang.

9. PELABURAN JANGKA PENDEK

	2024 RM	2023 RM
Akaun Mengurus		
Pelaburan Jangka Pendek	4,206,088,000	-
Akaun Rizab		
Pelaburan Jangka Pendek	592,677,000	446,695,000
JUMLAH	**4,798,765,000**	**446,695,000**

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [*AKTA 447*]

9. PELABURAN JANGKA PENDEK (SAMBUNGAN)

PJP ialah dana dalam akaun simpanan tetap dengan tempoh matang lebih tiga (3) bulan hingga setahun yang ditempatkan di institusi-institusi kewangan yang mendapat kelulusan Kementerian Kewangan (MOF) dan sedia ditukarkan dalam bentuk tunai dalam tempoh dua belas bulan selepas tarikh pelaporan.

Pada tahun 2024, PJP bagi dana Akaun Mengurus dan Akaun Rizab adalah bagi tempoh penempatan empat (4) bulan hingga 12 bulan dengan tarikh matang di antara 22 Januari 2025 hingga 26 November 2025.

PJP di dalam Penyata Aliran Tunai disediakan menggunakan kaedah secara tidak langsung seperti berikut:

	2024	2023
	RM	RM
Pada tahun kewangan sebelum	446,695,000	429,928,000
Pada tahun kewangan semasa	4,798,765,000	446,695,000
PERUBAHAN	**(4,352,070,000)**	**(16,767,000)**

10. PENGHUTANG

	2024	2023
	RM	RM
Lebihan kutipan kadar surcaj ICPT di bawah IBR bagi TNB	1,122,251,965	193,184,578
Lebihan kutipan kadar surcaj ICPT di bawah IBR bagi NUR	5,301,765	-
Pelarasan Hasil Tahunan (*Annual Regulatory Adjustment* - ARA) TNB	-	350,183,952
JUMLAH	**1,127,553,730**	**543,368,530**

Penghutang adalah pendapatan yang belum diterima oleh KWIE yang direkod berdasarkan kepada amaun invois atau amaun anggaran pada akhir tahun kewangan yang kebiasaannya diterima pada tahun 2025.

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [*AKTA 447*]

10. PENGHUTANG (SAMBUNGAN)

Kerajaan bagi tempoh 2024 telah memutuskan supaya lebihan kutipan kadar surcaj ICPT bagi TNB dianggarkan sebanyak RM5,727.26 juta dan ARA 2023 sebanyak RM1,388.91 juta dimasukkan ke dalam dana KWIE. Dalam masa yang sama, Kerajaan juga memutuskan supaya lebihan kutipan kadar surcaj ICPT NUR dianggarkan sebanyak RM18.38 juta dan ARA 2023 sebanyak RM2.01 juta untuk dimasukkan ke dalam dana KWIE.

Lebihan kutipan kadar surcaj ICPT TNB sebanyak RM1,122.25 juta adalah bagi bulan Oktober, November dan Disember 2024 dan NUR sebanyak RM5.30 juta bagi bulan November dan Disember 2024 masih lagi belum diterima oleh KWIE dan direkodkan sebagai akruan.

Penerangan dibaca bersama **Nota 14**.

11. PEMIUTANG

	2024	2023
	RM	RM
TNB	1,664,925,232	-
NUR	127,112	
Lesen Awam Pengagihan (LAP)	96,103,168	-
JUMLAH	**1,761,155,512**	**-**

Pemiutang adalah komitmen yang perlu dibayar oleh KWIE yang diiktiraf berdasarkan amaun invois dan amaun anggaran yang belum dijelaskan pada akhir tahun kewangan. Bayaran bagi komitmen berkenaan akan dijelaskan setelah dokumen yang lengkap disahkan dan diterima oleh Unit KWIE.

Selaras dengan keputusan Kerajaan berkenaan pelarasan tarif elektrik bagi tempoh 1 Julai hingga 31 Disember 2024, kos keseluruhan tampungan subsidi bersasar di Semenanjung (TNB dan pemegang LAP) sebanyak RM2,192.44 juta dan NUR sebanyak RM0.44 juta dibiayai menggunakan dana KWIE.

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [*AKTA 447*]

11. PEMIUTANG (SAMBUNGAN)

Kerajaan juga turut berkeputusan supaya pelarasan tarif elektrik bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2024 sebanyak RM1,396.07 juta yang pada awalnya akan dibiayai oleh MOF dipinda kepada dibiayai sepenuhnya menggunakan dana KWIE. Daripada jumlah tersebut, RM698.04 juta bagi bulan April hingga Jun 2024 direkod secara akruan berdasarkan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) pada 20 Disember 2024.

Manakala baki tampungan surcaj ICPT TNB yang dibiayai oleh dana KWIE sebanyak RM966.89 juta bagi bulan Oktober, November dan Disember 2024 turut direkodkan secara akruan.

Tampungan surcaj ICPT NUR bagi bulan November dan Disember 2024 sebanyak RM127,112 dan tampungan surcaj ICPT LAP sebanyak RM96.10 juta pula, direkod berdasarkan tuntutan yang dikemukakan dan anggaran surcaj ICPT yang belum dijelaskan sehingga Disember 2024.

Amaun pemiutang KWIE berkenaan akan dijelaskan pada awal tahun 2025.

Penerangan dibaca bersama **Nota 16**.

12. PELBAGAI PEMIUTANG DAN PERBELANJAAN TERAKRU

	2024	2023
	RM	RM
Fi Audit	19,655	20,723
Fi Ejen Cukai	3,700	3,700
Kos Penerbitan Laporan Tahunan	30,780	29,150
Kos Sistem Kewangan KWIE	17,455	72,658
JUMLAH	**71,590**	**126,231**

Fi audit merujuk kepada fi yang dibayar bagi tujuan pengauditan Penyata Kewangan KWIE yang dijalankan oleh pihak Jabatan Audit Negara (JAN).

Fi ejen cukai merujuk kepada fi yang dibayar kepada ejen cukai yang dilantik bagi menguruskan hal-hal berkenaan dengan cukai KWIE.

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [*AKTA 447*]

12. PELBAGAI PEMIUTANG DAN PERBELANJAAN TERAKRU (SAMBUNGAN)

Laporan Tahunan KWIE telah dicetak pada tahun 2024 dengan separuh bayaran kos kontrak telah dijelaskan pada 3 Disember 2024. Baki 50% bayaran tersebut diakru dan akan dijelaskan pada awal tahun 2025.

Kos Sistem Kewangan KWIE pula merupakan kos jaminan pembangunan sistem kewangan yang belum dijelaskan kepada pembekal pada tahun semasa.

Penerangan dibaca bersama **Nota 6** dan **Nota 18**.

13. RIZAB

	2024	2023
	RM	RM
Dana awal Akaun Rizab	457,315,298	438,048,158
Tambahan 2% bagi tahun semasa	141,536,073	7,820,167
Lebihan bersih tahun semasa	13,712,915	11,446,973
JUMLAH	**612,564,286**	**457,315,298**

Lebihan bersih Akaun Rizab tahun semasa	2024	2023
	RM	RM
Pendapatan faedah dana Akaun Rizab	19,571,887	16,278,909
Tolak: Perbelanjaan semasa		
Cukai kena bayar dan caj bank	(5,858,972)	(4,831,936)
Lebihan bersih tahun semasa	**13,712,915**	**11,446,973**

Mesyuarat Suruhanjaya Tenaga Bilangan 4 Tahun 2021 telah memutuskan mulai tahun 2021, tambahan 2% daripada pendapatan bagi tahun berikutnya (tidak termasuk pendapatan faedah) akan dipindahkan ke dalam Akaun Rizab sebagai langkah bagi memastikan kemampanan dana KWIE.

Pada tahun 2024, amaun tambahan 2% daripada terimaan tahun semasa berjumlah RM141.54 juta, dipindahkan ke bank Akaun Rizab setelah dana tersebut diterima oleh KWIE.

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [*AKTA 447*]

13. RIZAB (SAMBUNGAN)

Lebihan bersih tahun semasa merupakan pendapatan faedah yang dijana daripada Akaun Rizab pada tahun semasa selepas mengambil kira perbelanjaan berkaitan pengurusan Akaun Rizab, yang akan dipindahkan ke Akaun Rizab pada akhir tahun kewangan. Item berkaitan lebihan bersih tahun semasa ini turut dilaporkan di dalam Penyata Prestasi Kewangan tahun semasa.

Penerangan dibaca bersama **Nota 10** dan **Nota 14**.

14. TERIMAAN

	2024 RM	2023 RM
Lebihan kutipan kadar surcaj ICPT di bawah IBR	5,685,885,830	391,008,367
Kos surcaj ICPT 2022 terlebih nyata	-	20,671
ARA TNB (2023)	1,388,905,482	-
ARA NUR (2023)	2,012,344	-
JUMLAH	**7,076,803,656**	**391,029,038**

Kerajaan telah berkeputusan supaya lebihan kutipan kadar surcaj ICPT dan ARA 2023 oleh TNB dan NUR bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2024 disalurkan ke dalam dana KWIE. Keputusan Kerajaan adalah seperti berikut:

Tarikh MJM	Lebihan Kutipan Surcaj ICPT	ARA
i. 13 Disember 2023	Tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2024: • TNB: RM3,210.26 juta • NUR: RM0.708 juta	-
ii. 20 Jun 2024	Tempoh 1 Julai hingga 31 Disember 2024 bagi NUR RM17.67 juta	ARA NUR bagi tahun 2023: RM2.01 juta
iii. 28 Jun 2024	Tempoh 1 Julai hingga 31 Disember 2024 bagi TNB RM2,517 juta	ARA TNB bagi tahun 2023: RM1,388.91 juta

Nota:
Lebihan kutipan surcaj ICPT yang diluluskan oleh Kerajaan adalah berasaskan amaun anggaran manakala amaun yang dipindahkan oleh TNB kepada KWIE adalah berdasarkan data jualan sebenar dan terhad setakat amaun yang diluluskan oleh Kerajaan. Sekiranya amaun sebenar selepas diaudit oleh juruaudit luar TNB dan NUR melebihi amaun yang diluluskan oleh Kerajaan, amaun perbezaan berkenaan akan dilaraskan semasa semakan tarif bagi tempoh yang berikutnya.

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [*AKTA 447*]

14. TERIMAAN (SAMBUNGAN)

Berdasarkan keputusan Kerajaan berkenaan, lebihan kutipan kadar surcaj ICPT yang diiktiraf pada tahun 2024 adalah seperti perincian di bawah:

Tempoh Pelaksanaan	**TNB**	**NUR**
	RM	**RM**
1 Januari - 30 Jun	3,151,004,970	679,014[1]
1 Julai - 31 Disember	2,516,528,563	17,673,283
	5,667,533,533	18,352,297
JUMLAH	**5,685,885,830**	

Nota:
1. Terimaan daripada NUR bagi tempoh pelaksanaan 1 Januari hingga 30 Jun 2024 merupakan baki lebihan kutipan kadar surcaj ICPT, iaitu lebihan kutipan kadar surcaj ICPT ditolak dengan tampungan surcaj ICPT (*nett-off*).

Pada tahun 2024, terimaan bagi lebihan kutipan kadar surcaj ICPT sebanyak RM4,545.28 juta telah dipindahkan oleh TNB ke dalam dana KWIE, manakala bakinya sebanyak RM1,122.25 juta akan dipindahkan ke dalam dana KWIE pada awal tahun 2025. Dalam masa yang sama, sebanyak RM13.05 juta telah dipindahkan oleh NUR ke dalam dana KWIE dan bakinya sebanyak RM5.30 juta akan dipindahkan ke dalam dana KWIE pada awal tahun 2025.

ARA tahun 2023 bagi TNB sebanyak RM1,388.91 juta dan NUR sebanyak RM2.01 juta telah diterima oleh KWIE pada Ogos 2024 dan September 2024.

Penerangan dibaca bersama **Nota 10**.

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [*AKTA 447*]

15. PENDAPATAN FAEDAH

	2024	2023
	RM	RM
Akaun Mengurus (STMMD/FD/PJP)		
~ Faedah Matang	40,475,045	3,398,316
~ Faedah Belum Terima	28,252,665	1,968,955
Hibah	22,264,133	865,304
	90,991,843	6,232,575
Akaun Rizab (PJP)		
~ Faedah Matang	11,613,983	11,695,524
~ Faedah Belum Terima	7,936,636	4,557,209
Hibah	21,268	26,176
	19,571,887	16,278,909
JUMLAH	**110,563,730**	**22,511,484**

16. REBAT/SURCAJ *IMBALANCE COST PASS-THROUGH* (ICPT)

	2024	2023
	RM	RM
TNB	3,364,726,374	-
NUR	439,777	-
LAP	322,562,469	-
JUMLAH	**3,687,730,620**	**-**

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [*AKTA 447*]

16. REBAT/SURCAJ *IMBALANCE COST PASS-THROUGH* (ICPT) (SAMBUNGAN)

Kerajaan telah berkeputusan supaya surcaj ICPT TNB dan NUR bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2024 ditampung menggunakan dana KWIE seperti berikut:

Tarikh MJM	Tampungan dana KWIE
i. 13 Disember 2023	Tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2024: • Kos surcaj ICPT LAP: RM538.77 juta
ii. 20 Jun 2024	Tempoh 1 Julai hingga 31 Disember 2024: • Kos surcaj ICPT NUR: RM0.44 juta
iii. 28 Jun 2024	Tempoh 1 Julai hingga 31 Disember 2024: • Kos surcaj ICPT TNB: RM2,192 juta Tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2024: • Kos surcaj ICPT TNB yang pada awalnya diputuskan untuk ditampung oleh MOF sebanyak RM1,396.07 juta telah dipinda kepada ditampung oleh dana KWIE sebanyak 50%
iv. 20 Disember 2024	Tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2024: • Baki 50% kos surcaj ICPT TNB yang pada pada awalnya diputuskan untuk ditampung oleh MOF sebanyak RM1,396.07 juta telah dipinda kepada ditampung oleh dana KWIE sebanyak RM698.04 juta

Nota:
Tampung surcaj ICPT TNB dan NUR yang diluluskan oleh Kerajaan adalah berasaskan amaun anggaran manakala amaun yang dipindahkan oleh TNB kepada KWIE adalah berdasarkan data jualan sebenar dan terhad setakat amaun yang diluluskan oleh Kerajaan. Sekiranya amaun sebenar selepas diaudit oleh juruaudit luar TNB dan NUR melebihi amaun yang diluluskan oleh Kerajaan, amaun perbezaan berkenaan akan dilaraskan semasa semakan tarif bagi tempoh yang berikutnya.

Berdasarkan keputusan Kerajaan berkenaan, tampungan surcaj ICPT yang diiktiraf pada tahun 2024 adalah seperti perincian di bawah:

Tempoh Pelaksanaan	TNB	NUR	LAP
	RM	RM	RM
1 Januari - 30 Jun	1,396,066,577	-	167,655,719
1 Julai - 31 Disember	1,968,659,797	439,777	154,908,750
	3,364,726,374	439,777	322,564,469
JUMLAH		**3,687,730,620**	

16. REBAT/SURCAJ *IMBALANCE COST PASS-THROUGH* (ICPT) (SAMBUNGAN)

Pada tahun 2024, tampungan surcaj ICPT sebanyak RM1,699.80 juta telah dibayar oleh KWIE kepada TNB, manakala bakinya sebanyak RM1,664.93 juta akan dijelaskan pada awal tahun 2025. KWIE turut membuat bayaran sebanyak RM0.31 juta kepada NUR dan bakinya sebanyak RM0.13 juta akan dijelaskan pada awal tahun 2025. Dalam masa yang sama, sebanyak RM226.46 juta telah dibayar oleh KWIE kepada pemegang LAP dan bakinya sebanyak RM96.10 juta akan dijelaskan pada awal tahun 2025.

Penerangan dibaca bersama **Nota 11**.

17. KOS REGULATORI - *INCENTIVE BASED REGULATION* (IBR)

	2024	2023
	RM	RM
Pelarasan Perbelanjaan Operasi Luar Jangka (UPOX)	304,153,611	-
JUMLAH	**304,153,611**	**-**

Pelarasan perbelanjaan operasi luar jangka (UPOX) adalah kos TNB atau NUR yang berlaku di luar rancangan asal atau tidak diperuntukkan di dalam IBR tetapi perlu dilaksanakan. Kelulusan pelarasan perbelanjaan UPOX ini adalah tertakluk kepada keputusan Kerajaan.

UPOX bagi tahun 2023 bagi entiti kawal selia *Grid, Distribution Network* dan *Retail* merupakan kos regulatori di bawah IBR. Kos berkenaan ditampung oleh KWIE selaras dengan keputusan Kerajaan pada 28 November 2024.

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [*AKTA 447*]

18. KOS PENTADBIRAN DAN CAJ BANK

	2024	2023
	RM	RM
Elaun Kehadiran Mesyuarat	7,000	8,000
Fi Audit	18,145	20,718
Fi Ejen Cukai	3,996	3,922
Fi Pesuruhjaya Sumpah	160	140
Kos Penerbitan Laporan Tahunan	61,560	58,300
Penyelenggaraan Sistem	135,015	-
Caj Bank	458	160
JUMLAH	**226,334**	**91,240**

Selaras dengan seksyen 44C ABE, Mesyuarat Suruhanjaya Tenaga Bilangan 7 Tahun 2017 pada 21 Disember 2017 telah memutuskan supaya dana KWIE digunakan bagi membuat pembayaran cukai, kos khidmat perunding, kos khidmat juruaudit atau perkhidmatan khas di luar pentadbiran Suruhanjaya Tenaga. Manakala, kos-kos sokongan pentadbiran lain dibiayai sepenuhnya oleh Suruhanjaya Tenaga.

Elaun Kehadiran Mesyuarat merujuk kepada elaun yang diberikan kepada wakil tetap atau wakil ganti atau wakil luar yang hadir ke Mesyuarat Jawatankuasa KWIE (JKKWIE) mulai tahun 2017. Ahli luar JKKWIE merupakan wakil daripada Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Kementerian Ekonomi, MOF dan Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA).

Penerangan dibaca bersama **Nota 12**.

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [*AKTA 447*]

19. CUKAI

	2024	2023
	RM	RM
Perbelanjaan Cukai		
Cukai tahun semasa	33,097,519	6,681,845
Cukai tahun semasa	**33,097,519**	**6,681,845**
Penyesuaian kadar cukai efektif		
Pendapatan faedah Dana Mengurus	90,991,843	6,232,575
Pendapatan faedah Dana Rizab	19,571,887	16,278,909
	110,563,730	22,511,484
Cukai pada RM2,000,000 pertama	528,400	528,400
Baki pada kadar cukai 30%	32,569,119	6,153,445
Perbelanjaan Cukai	33,097,519	6,681,845
		-
JUMLAH	**33,097,519**	**6,681,845**

Pada tahun kewangan 2021, MOF melalui surat pada 17 Ogos 2021 telah meluluskan pelanjutan tempoh pengecualian cukai pendapatan di peringkat pendapatan berkanun kepada KWIE untuk tempoh tiga (3) tahun mulai tahun taksiran (TT) 2022 sehingga TT 2024. Kelulusan tersebut diberikan dengan syarat, KWIE perlu mengisytiharkan pendapatan kepada LHDNM setiap tahun.

Sehubungan itu, pendapatan faedah KWIE yang merupakan pendapatan lain yang diterima KWIE adalah tertakluk kepada cukai oleh LHDNM.

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [*AKTA 447*]

20. LEBIHAN SELEPAS CUKAI

	2024	2023
	RM	RM
Lebihan bersih selepas cukai	3,161,994,911	406,622,121
JUMLAH	**3,161,994,911**	**406,622,121**

Pada tahun 2024, KWIE menerima dana daripada lebihan kutipan surcaj ICPT dan pendapatan faedah yang masing-masing berjumlah RM7,076.80 juta dan RM110.56 juta. Pada masa yang sama, rebat/surcaj ICPT dan kos regulatori – IBR yang ditampung oleh KWIE pada tahun semasa adalah berjumlah RM3,991.88 juta. Perbelanjaan lain oleh KWIE termasuk cukai tahun semasa berjumlah RM33.49 juta.

Sehubungan itu, KWIE mencatatkan lebihan selepas cukai sebanyak RM3,161.99 juta pada tahun 2024 berbanding lebihan selepas cukai sebanyak RM406.62 juta pada tahun sebelumnya.

21. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

Transaksi dengan kakitangan pengurusan penting merujuk kepada seseorang yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab dalam merancang, mengarah dan mengawal aktiviti KWIE secara langsung atau tidak langsung. Transaksi yang berkaitan dengan kakitangan pengurusan penting dalam tahun kewangan semasa adalah seperti berikut:

	2024	2023
	RM	RM
Elaun Kehadiran Mesyuarat	7,000	8,000
JUMLAH	**7,000**	**8,000**

Sepanjang tahun 2024, Mesyuarat JKKWIE telah bersidang sebanyak tiga (3) kali (2023: empat (4) kali) bagi membincangkan dan memperakukan cadangan-cadangan yang berkaitan dengan pengurusan dana KWIE.

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [*AKTA 447*]

22. KOMITMEN MODAL

	2024	2023
	RM	RM
Diluluskan dan Dikontrakkan		
Kerja Dalam Pembangunan Sistem Kewangan KWIE (Modul Hasil)	-	65,402
Penyelenggaraan Sistem	105,011	240,026
JUMLAH	**105,011**	**305,428**

Pembangunan Sistem Kewangan KWIE (SAGA) merangkumi Modul Kewangan dan Modul Hasil. Pada tahun 2024, kerja-kerja pembangunan sistem tersebut telah berjaya disiapkan dan Sistem Kewangan KWIE sedia untuk digunakan mulai 14 Jun 2024.

Sehubungan itu, fokus kini tertumpu kepada komitmen yang masih berbaki, khususnya berkaitan dengan penyelenggaraan sistem berjumlah RM105,011.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

Suruhanjaya Tenaga ***(Energy Commission)***

No. 12, Jalan Tun Hussein,
Presint 2, 62100 Putrajaya

(603) 8870 8500 (603) 8888 8637

www.st.gov.my